



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 3/2005 Julai - September 2005/JamadiAlAwal- Syaaban 1426 www.pkink.gov.my Edaran Percuma

Menarik di dalam



m. surat 3
Penerimaan Lada
Ladang Rajah oleh
SLSST



m. surat 4
MOU Usahawan
Kerentan dan
Singapore



m. surat 5
PKINK Pribadi



m. surat 6
PKINK kumpul
subjek
Kesusahawanan
USM




m. surat 7
Gotong Royong
Perdana



m. surat 8
Perbarisan Hari
Aibangsaan



m. surat 9
Ekspo Makanan
Hala Antarabangsa
Singapore



m. surat 10
Berita anggota



m. surat 11
KPK akan berpindah
ke pejabat baru

m. surat 12
Kelihaian Ramadhan

m. surat 13
Ekspo Dagangan Bandar
Raya Islam

m. surat 14
Ruangan ICT & Info sihat



m. surat 15
Kejohanan Badminton
Piala Kumtuan
KDYMM Al-Sultan



PKINK AGENSI PENERAJU NEGERI KELANTAN BAGI SAMBUTAN HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2005

RUMAH KELANTAN MENDAPAT TEMPAT KEDUA

Shah Alam, 16 Ogos – PKINK telah ditantik oleh kerajaan Negeri Kelantan sebagai agensi peneraju (lead agency) bagi negeri Kelantan dalam sambutan Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2005 dengan kerjasama UPEN, Jabatan Pertanian Kelantan, FAMA, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemaajuan Ikan Malaysia, Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang dan Risda. Sambutan ini telah diadakan di Perkarangan Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor pada 16 - 25 Ogos 2005.

Persediaan bagi acara ini telah bermula dari 4 Ogos 2005 lagi di mana anak syarikat PKINK iaitu Kelkon Sdn Bhd telah ditugaskan untuk mendirikan ruang pameran dan jualan yang berbentuk pavilion. Rekabentuk pavilion Negeri Kelantan kali ini adalah bercirikan tradisional dengan penggunaan bahan-bahan pembinaan berasaskan kayu dihiasi dengan kehijauan pokok-pokok. Berdasarkan ciri-ciri ini, tema pavilion Kelantan adalah "Kehijauan Kelantan".

Perasmian Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) 2005 ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 16 Ogos



Rumah Kelantan

2005. YAB PM kemudiannya telah meluangkan masa untuk mengunjungi dan melawat pavilion-pavilion pameran, Pavilion Kelantan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK Tuan Mohd Suhaimi Husin juga mendapat kunjungan hormat dari YAB PM.

Diantara produk-produk yang mendapat perhatian YAB PM ialah Jus Roselle keluaran Murni Marketing Sdn Bhd dan buah naga (dragon fruit) daripada Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang.

Penyertaan PKINK yang bertindak sebagai agensi peneraju pada acara ini telah menempa sejarah bagi Kerajaan Negeri Kelantan di mana buat pertama kalinya penyertaan ini telah berjaya memenangi tempat kedua untuk dua kategori yang dipertandingkan iaitu, Kategori Kerajaan Negeri Terbaik dan Kategori Pavilion Terbaik. Ucapan penutup dan penyampaian hadiah HPPNK 2005 ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo.



Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sempat membuat kunjungan ke Rumah Kelantan sempena Perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan.

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK Bilangan 3/2005.

Di ruangan ini, Sidang Editor ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, dan Kerajaan Negeri Kelantan khasnya di atas majlis perisytiharan Kota Bharu Bandar Raya Islam pada 1 Oktober 2005 nanti.

PKINK sebagai salah sebuah badan berkanun negeri turut sama mengambil peranan bagi menjayakan sambutan perisytiharan ini melalui program-program yang telah disusun termasuk Ekspo Dagangan Bandar Raya Islam yang bermula 24 September hingga 4 Oktober akan datang, Gotong Royong Perdana membersihkan bandar Kota Bharu, Seminar Tulisan Jawi, Pesona Busana Anggun dan lain-lain program yang telah dirangka.

Sambutan perisytiharan ini akan membantu dan memangkin proses pertumbuhan pusat bandar Kota Bharu sebagai pusat dagangan Islam, zon ilmu serta bandar yang bersih dan ceria selaras dengan tuntutan Islam. Bagi memenuhi ciri-ciri Bandar Raya Islam yang berpaksikan kepada 5 kafi iaitu Keilmuan, Kepatuhan, Kebajikan, Kebersihan dan Kesejahteraan, PKINK turut sama memainkan peranan bagi merealisasikan 5 ciri ini melalui usaha yang berterusan, bukan sahaja kepada anggota PKINK, malahan kepada warga kota bandar Kota Bharu itu sendiri, khususnya kepada para peniaga dan usahawan dengan menitikberatkan kepada pembentukan usahawan yang berilmu, berkebakikan, beretika dan amanah.

Pihak pengurusan berharap agar semua anggota kumpulan PKINK dapat meningkat kerjasama dan memberikan sokongan ke arah menjayakan usaha mumi Kerajaan Negeri ini bagi melahirkan sebuah bandar yang sejahtera dan aman harmoni yang mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Sesungguhnya, PKINK mahu melihat warganya yang menghuni bangunan PKINK di tengah-tengah pusat bandar Kota Bharu dapat memainkan peranan yang berkesan ke arah menjayakan Kota Bharu Bandar Raya Islam ini, kerana sudah tentu suasana bandar yang aman sejahtera dan bersih dapat memberi kesan yang besar ke arah melahirkan suasana budaya kerja yang ceria dan cemerlang.

Firman Allah Taala bermaksud:

Dan bagi setiap umat ada arah kiblat (pegangan agama) yang ditujui. Oleh itu bertumba-tumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah akan membawa kamu berhimpun (pada hari kiamat untuk menerima balasan)

(al-Baqarah, ayat 148)

SIDANG EDITOR

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Hanifa Ahmad

PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Ahlaami Ab. Halim

Pn. Teh Mariam Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

En. Rosdi Said

En. Mohd Ramli Hamzah

En. Zainul Amin Mat Zin

JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu, Kelantan

www.pkink.gov.my

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE

Lot 63, Jalan Dusun 5, off Jalan Bayam

15200 Kota Bharu

Tel: 09-7472313

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan

Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 4 – 11 Ogos 2005 bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV. Ia dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan merupakan satu acara yang penting bagi mengenengahkan produk pertanian negeri Kelantan dengan moto pertanian satu perniagaan. Acara sambutan ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abd. Aziz bin Hj. Nik Mat. Sambutan ini disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dari peringkat negeri dan agensi swasta terutama industri-industri PKS. Acara ini terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu bahagian pameran dan juga bahagian jualan. PKINK turut terlibat sebagai ahli jawatankuasa Induk, Teknikal dan juga jawatankuasa promosi dan jualan. Selain itu PKINK juga bertindak sebagai peserta dengan mengambil dua (2) gerai untuk mempamerkan produk-produk keluaran syarikat-syarikat anak yang berkaitan dengan pertanian. Antara syarikat-syarikat anak yang terlibat

ialah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad(KPKB)- pengeluaran baja, Murni Marketing Sdn. Bhd.- pengeluaran Kordial Rosselle dan Halwa, Syarikat DAMAI Sdn. Bhd.- Nursery serta hasil buahan ladang dan juga Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.- tanaman hasil Sawit dan juga Getah. Selain dari itu hasil keluaran produk IKS melalui Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK turut dipamer serta dijual. Keluaran produk IKS ini adalah dibawah bimbingan Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK.

Mengikuti pihak jawatankuasa penganjuran, acara ini dianggap paling berkesan bagi memperkenalkan produk-produk pertanian keluaran negeri Kelantan dan berkemungkinan akan diadakan dua (2) kali setahun memandangkan sambutan orangramai amat menggalakkan.



YAB Tuan Guru MBI memandangi HPPN Peringkat Negeri



YAB Tuan Guru MBI melihat gerai-gerai

Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST) Ambilalih Ladang Tapis

Pengambilalihan Ke Arah Memperkukuh Pengurusan Kumpulan PKINK

Pengurusan SLST, yang diterajui oleh Tuan Hj Mohd Suhane Ibrahim Araui (Pengarah Eksekutif) dan En Zazali Japar (Pengurus Besar) telah mengadakan satu Majlis Kesyukuran dan Solat Hajat di Ladang Tapis, Mukim Lubok Bongor, Jeli pada 1 Ogos 2005 yang lalu. Majlis ini diadakan sebagai tanda rasminya pengambilalihan Ladang Tapis Sdn Bhd (LTSB) oleh SLST. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tn Hj Hanifa Ahmad; Pengerusi SLST, Tuan Hj Ramli Abu Bakar; Timbalan Ketua Eksekutif (Perancangan & Pembangunan), Tuan Hj Mohd Suhaimi Husin; ahli-ahli Lembaga Pengarah SLST; Pengarah Eksekutif Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, Hj Mohamed Razali Deraman, Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK; serta pengurusan dan anggota SLST dan LTSB.

Majlis ini, yang dimulakan dengan bacaan doa, telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif PKINK. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa pengambilalihan LTSB oleh SLST ini merupakan langkah yang wajar dalam menyusun semula struktur Kumpulan PKINK, sebagaimana Rumusan Cameron Highland 2001. Sejak 2001,

banyak langkah yang telah diambil oleh pengurusan PKINK untuk memastikan dayamaju syarikat-syarikat anak kumpulan. Antara langkah tersebut ialah menyatukan operasi syarikat anak dengan induk mereka, menutup syarikat yang bermasalah serta menjual syarikat kepada pembeli yang berminat, samada pihak luar ataupun pengurusan syarikat itu sendiri (MBO).

Ucapan KE ini disusuli dengan Sesi Taklimat oleh Pengurus Besar SLST, En Zazali Japar. Antara perancangan untuk Ladang Tapis yang dibentangkan ialah membaikpulih infrastruktur di Ladang Tapis termasuklah membaiki jalan

pengangkutan utama, membina pagar letrik bagi membendung serangan gajah serta membina pejabat dan rumah kongsi yang lebih sempurna. Segala aktiviti baikpulih tersebut serta pembelian jentera baru dijangka akan menelan belanja lebih RM1.0 juta. Sesi taklimat diakhiri dengan penyerahan cek deposit pembelian LTSB oleh SLST sebanyak RM300,000 oleh Pengarah Eksekutif SLST kepada Pengarah Eksekutif KPKB.

Para tetamu diraikan dengan jamuan makan tengahari serta buah-buahan tempatan. Ini diikuti oleh solat sunat hajat.



Solat Hajat memohon keberkatan sempena pengambilalihan Ladang Tapis oleh SLST



Pengarah Eksekutif SLST, Hj. Mohd Suhane menyerahkan cek kepada Pengarah Eksekutif KPKB, Hj. Mohamed Razali Deraman

MOU Antara Delegasi Kelantan dan Singapura di Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura

Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura 2005 yang berlangsung dari 8 hingga 11 September lalu di Singapore Expo telah berjaya membina hubungan dan rangkaian yang begitu baik di antara usahawan dan ahli perniagaan negeri Kelantan dengan usahawan dan ahli-ahli perniagaan Singapura.

Ekspo tersebut dianjurkan oleh MegaXpress Communications Pte Ltd. Lebih membanggakan ialah, penganjuran ekspo tersebut disokong oleh Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia, Kerajaan Negeri Kelantan bersama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA.

Satu majlis "business meeting" telah diadakan pada 10 September 2005 bertempat di Dewan 6, Singapore Expo yang melibatkan usahawan-usahawan dari negeri Kelantan dengan ahli-ahli

perniagaan Singapura dan juga beberapa NGO Singapura yang terlibat khusus dalam membangunkan perniagaan di Singapura termasuklah Pertubuhan Rangkaian Usahawan Muda Singapura (YEN) dan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu Singapura.

"Business Meeting" tersebut dijayakan dengan majlis menandatangani lapan Memorandum Persefahaman antara rombongan usahawan Kelantan dengan usahawan Singapura dan YEN. Majlis mendandatangani MOU tersebut disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia, Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Haji Zuikifli Mamat. Turut hadir dalam "business meeting" tersebut ialah pegawai-pegawai PKINK, Timbalan Pengerusi PERDASAMA Kelantan, Encik Hasbullah Kusnin, Pengerusi DUID Kelantan, Hj. Muhammad bin Yusof, wakil TIC, Perdana Resort, Murni Marketing dan rombongan usahawan Kelantan.



Bertukar dokumen: MOU antara pihak Mega Air Travel & Tours Pte Ltd & pihak Perdana Resort, Anak Syarikat PKINK (kiri)



Lapan MOU Ditandatangani Antara Delegasi Ahli Perniagaan Kelantan dan Pertubuhan Rangkaian Usahawan Muda Singapura (YEN Organization) di Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura 2005.

- 1st MOU - Training & Human Resource Development**
Young Entrepreneurs Network Organization & Pupuk Nilai Murni Berhad
- 2nd MOU - Business Collaboration**
Young Entrepreneurs Network Organization & Persatuan Pedagang Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama)
- 3rd MOU - Business Collaboration**
Young Entrepreneurs Network Organization & Dewan Usahawan Industri Desa (DUID)
- 4th MOU - Sales & Marketing Agents (Special Project)**
Zaleha Oriflame Beauty Shop & Persatuan Pedagang Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama)
- 5th MOU - Sales & Marketing Agents (Frozen Food)**
H&D Fresh & Frozen Food Supplier & Persatuan Pedagang Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama)
- 6th MOU - Sales & Marketing Agents (Tourism)**
Mega Air Travel & Tours Pte Ltd & Sweet Beach Resort
- 7th MOU - Sales & Marketing Agents (Tourism)**
Mega Air Travel & Tours Pte Ltd & Perdana Resort
- 8th MOU - Sales & Marketing Agents (Fashion & Batik)**
MYI International Pte Ltd & Koperasi Pembatik Kelantan

Majlis Perasmian Kembara Merdeka Jalur Gemilang

Kota Bharu - YB Menteri Penerangan Malaysia telah merasmikan Majlis Kembara Merdeka Jalur Gemilang bertempat di Padang Sekolah Kebangsaan Seri Ketereh pada 2 Ogos lalu. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Exco Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat, Tuan Hj. Husam Musa.

Dalam kata-kata aluan oleh YB Menteri, beliau berharap penglibatan dalam program kibar Jalur Gemilang akan dapat mencetus nilai-nilai kenegaraan dalam diri setiap rakyat negara Malaysia tanpa mengira kedudukan, kaum, agama dan politik.

Hampir 2 ribu orang telah hadir pada majlis tersebut yang terdiri dari anggota-anggota kerajaan, badan-badan kebajikan dan murid sekolah. Sebagai sokongan kepada hasrat murni kerajaan, PKINK telah menghantar 15 orang anggotanya.

Hendaklah berjasa
Kepada yang sebangsa

Hendaklah jadi kepala
Buang perangai yang cela

Hendaklah pegang amanat
Buanglah khianat

Profil Impian PKINK Siapkan Rumah Rakyat

Kota Bharu, 10 Ogos 2005 (Rabu) – Nasib segolongan masyarakat yang memerlukan bantuan sentiasa mendapat perhatian pihak PKINK. Ini terbukti bila PKINK sekali lagi melalui anak syarikatnya, Profil Impian PKINK tampil menyumbangkan bantuan bagi menyiapkan rumah seorang penduduk miskin, Saudara Nor Azman b. Muhammad di Tapang, dalam Dewan Undangan Negeri Panchor, Pengkalan Chepa.

Nor Azman yang tinggal dalam keadaan tidak selesa dan serba kekurangan sejak akhir Jun lalu kerana rumahnya yang rosak akibat ribut, mendapat perhatian pihak PKINK. Beliau yang membina rumah baru yang agak kecil di sebelah rumah lamanya yang ditimpa ribut, tidak mampu untuk menyiapkan sepenuhnya rumah baru tersebut memandangkan pendapatannya yang tidak seberapa sebagai tukang cat dan terpaksa menanggung 5 orang anak, 3 daripadanya bersekolah. Keadaan beliau telah menarik simpati ADUN Panchor, Yang Berhormat Mohamad Amar Nik Abdullah yang turut membantu meringankan beban saudara Nor Azman dan turut berusaha mendapatkan sumbangan untuk menyiapkan rumah tersebut daripada pihak PKINK.

Sumbangan ini merupakan satu tanggungjawab sosial terhadap

masyarakat agar golongan yang memerlukan terbela. Profil Impian PKINK telah memperuntukkan sejumlah RM8,000.00 bagi menyiapkan sebahagian rumah saudara Nor Azman iaitu merangkumi kos bagi menyiapkan lantai simen dan bumbung rumah.

Satu majlis penyerahan kunci rumah oleh pihak Profil Impian PKINK kepada saudara Nor Azman telah diadakan pada 10 Ogos lalu di rumah beliau di Lot 1098, Belakang Sekolah Kebangsaan Tapang. Penyerahan kunci telah dilakukan oleh YB Mohamad Amar Nik Abdullah, Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang juga ADUN kawasan Panchor dengan disaksikan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj Hanifa Ahmad, Pengurus Besar Profil Impian Sdn. Bhd., Encik Mohamed bin Ismail dan Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK merangkap Pengerusi Profil Impian Sdn. Bhd (PISB), Hj. Mohd Suhaimi b. Husain. Turut hadir ialah Pengarah PISB, para pegawai Binaraya dan Profil Impian serta pegawai-pegawai PKINK.

Semasa ditemui, Pengurus Besar PISB, Encik Mohamed bin Ismail berkata, peruntukan-peruntukan lain

yang seumpama ini akan ditambah mengikut keperluan golongan yang memerlukan. Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah Profil Impian untuk mengurus dan menyalurkan semula keuntungan syarikat dengan sebaiknya kepada rakyat Kelantan memandangkan Profil Impian merupakan milik PKINK yang juga milik Kerajaan Negeri.



YB Mohamad Amar Nik Abdullah, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Pengerusi Profil dan Pengurus Besar Profil bersama Nor Azman penerima sumbangan



Keadaan rumah NorAzman yang dilanda ribut

Golongan 'Istimewa' Tidak Dilupakan

Pasir Mas, 5 September – PKINK terus prihatin terhadap nasib masyarakat yang memerlukan bantuan terutama golongan kurang upaya apabila tampil menyampaikan bantuan kepada golongan istimewa tersebut baru-baru ini. Sumbangan tersebut ialah kepada dua orang adik beradik yang kurang upaya di Kg. Kual, Tok Uban, Pasir Mas, Kelantan.

Penyampaian bantuan kepada adik Zukipeli bin Soh, 15 tahun dan abangnya, Mohd Badli bin Soh, 33 tahun telah diadakan di rumah mereka dalam satu majlis ringkas yang dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Chetok, YB Ust Abd Halim Ab. Rahman, Ahli Parlimen Pasir Mas, YB Ust Ismail Noh dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj. Hanifa Ahmad. Sumbangan telah disampaikan oleh Ahli Parlimen Pasir Mas, YB Ust Ismail Noh bagi pihak PKINK.

Bantuan tersebut yang berjumlah seribu ringgit setiap seorang merupakan sumbangan PKINK kepada golongan kurang upaya yang memerlukan sokongan untuk terus hidup sama seperti insan-insan lain yang normal.



Ust. Ismail Noh menyerahkan cek sumbangan PKINK kepada Zukipeli sambil diperhatikan oleh ADUN Chetok (dua dari kanan) dan Ketua Eksekutif PKINK (dua dari kiri)

En. Soh bin Che Wli dan isterinya, Ramlah bt. Omar mempunyai 6 orang anak, 3 daripadanya masih belajar dan 3 orang lagi mengalami kecacatan kekal termasuk Zukipeli, Mohd Badli dan seorang lagi iaitu adik kepada Zukipeli.

En. Soh bergantung hidup melalui kerja kampung dengan pendapatan yang sedikit untuk menampung perbelanjaan mereka sekeluarga.

Seminar Keusahawanan PUM 2005

Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) selaku Sekretariat PUM Negeri Kelantan telah meneruskan program latihan dengan menganjurkan Seminar Keusahawanan PUM 2005. Penganjuran seminar kali ini adalah lebih bersepadu kerana ianya dibahagikan mengikut zon membabitkan sekolah-sekolah yang mengikuti Program PUM 2005. Penyertaannya pula



Peserta-peserta seminar keusahawanan PUM

adalah menyeluruh merangkumi Guru-Guru Pembimbing, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah serta ahli-ahli syarikat.

Seminar pertama telah diadakan pada 28 Jun bertempat di Dewan Kuliah 6, Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian untuk Zon Kota Bharu dan Tumpat membabitkan seramai 500 penyertaan. Seminar kedua pula telah diadakan pada hari berikutnya bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 untuk Zon Tanah Merah, Pasir Mas dan Machang membabitkan 150 penyertaan. Seminar terakhir untuk siri seminar mengikut zon telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Chiku, Gua Musang.

Sebagaimana hasrat dan matlamat penganjuran seminar iaitu memberikan

pendedahan dan pengetahuan yang menyeluruh kepada ahli-ahli Syarikat PUM, beberapa topik telah diatur dan dikupas secara terperinci. Topik-topik yang telah dipilih dan disampaikan kepada para peserta seminar kali ini termasuklah Tatacara Pelaksanaan PUM, Motivasi Keusahawanan, Asas Perakaunan & Kewangan Syarikat dan Konsep Pengeluaran & Pemasaran Syarikat.

Guru-guru Pembimbing dan para peserta yang ditemui diakhir sesi telah melahirkan rasa puas hati mereka kerana banyak maklumat dan manfaat yang dapat diperolehi selain daripada berpeluang untuk bertemu dan bertukar-tukar pandangan dengan ahli-ahli dari sekolah-sekolah lain. Insya Allah seandainya mempunyai kesempatan BPU selaku sekretariat akan mengadakan satu slot motivasi sebelum menutup tirai program dan pembubaran syarikat di penghujung tahun nanti.

PKINK Kendali Subjek Keusahawanan USM

Program pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah dan golongan belia yang dilaksanakan oleh Perbadanan sejak 1996, kini mendapat pengiktirafan Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, Kota Bharu, dengan perlantikan PKINK sebagai pengajar rasmi bagi subjek aktiviti kokurikulum Keusahawanan di pusat pengajian tersebut.

Subjek yang baru diperkenalkan oleh PPSK, USM bermula semester 1 sidang akademik 2005/2006 ini, merupakan di antara 11 pilihan aktiviti kokurikulum berunit yang diwajibkan ke atas semua pelajar sebagai memenuhi syarat pengijazahan yang ditetapkan. Seramai 67 pelajar dari pelbagai pengkhususan dalam bidang Sains Kesihatan telah mendaftar bagi mengikuti aktiviti yang dikendalikan secara pengkuliah dan seminar oleh Pegawai dari Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK.

Di antara objektif PPSK, USM dalam memperkenalkan aktiviti kokurikulum Keusahawanan (WUS301) ini, ialah untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar, serta

menimbulkan minat mereka terhadap keusahawanan sebagai pilihan profesion yang utama. Bagi memenuhi keperluan 13 sesi pengkuliah yang berjumlah 30 jam, PKINK telah menggubal secara khusus 10 modul kuliah untuk tempoh pengajaran yang bermula dari 12 Julai hingga 27 September 2005. Selain merangkumi tajuk-tajuk asas subjek keusahawanan yang bermula dari penghayatan ciri dan kompetensi keusahawanan

sehinggalah kepada aspek-aspek pengoperasian entiti perniagaan, pendekatan berlandaskan kajian kes s e m a s a disimulasikan ke arah merangsang s u a s a n a pembelajaran yang lebih praktikal dan berkesan kepada para pelajar.

D e n g a n pelaksanaan aktiviti kokurikulum keusahawanan seumpama ini oleh PPSK, USM, adalah diharapkan agar

strategi pembudayaan keusahawanan di peringkat IPTA yang menjadi teras kepada matlamat kerajaan dalam menjayakan program pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) mampu direalisasikan menjelang 2010 akan datang. Selaku salah sebuah agensi utama dalam pembangunan keusahawanan di peringkat negeri, PKINK akan terus berfungsi sebagai 'developmental training provider' yang lebih holistik, efisien dan sensitif kepada kehendak dan keperluan semasa.



Pelajar sedang mengikuti kuliah yang sedang disampaikan oleh En. Ruzil Imaj

sambungan dari m. surat 1

HPPNK 2005 Peringkat Kebangsaan

Setelah seminggu berkampung di Shah Alam, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan PKINK dengan disertai kakitangan Syarikat Anak, tumpuan dan perhatian beralih kepada satu lagi acara yang disertai oleh PKINK iaitu Shah Alam Internasional Fair (SAIF) 2005.

SAIF 2005 yang telah diadakan pada 26 Ogos hingga 11 September 2005 ini adalah anjuran Kerajaan Negeri Selangor bersempena dengan perisytiharan Negeri Selangor sebagai negara maju. Penyertaan PKINK pada SAIF 2005 ini adalah hasil keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersetuju supaya PKINK mengambil bahagian dalam SAIF 2005 ini bagi mewakili Negeri Kelantan.

Diantara tujuan SAIF 2005 ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada negeri-negeri di seluruh Malaysia bagi mempromosikan produk-produk keluaran negeri masing-masing

dan juga untuk menarik pelaburan dan perdagangan baru. Walaupun sambutan orang ramai ke atas pameran SAIF kurang memberangsakan, namun penyertaan pada dua acara ini telah berjaya menaikkan nama dan imej PKINK serta Negeri Kelantan khususnya.



Kunjungan Perdana Menteri ke Pameran HPPNK 2005 mendapat perhatian orang ramai



Kunjungan Timbalan Perdana Menteri ke Gora MMSB sempena Pameran SAIF 2005

Gotong Royong Perdana Membersih Bandar Kota Bharu

PKINK menyertai gotong royong perdana membersihkan bandar Kota Bharu sempena perisytiharan Kota Bharu Bandar Raya Islam. Majlis perasmian gotong royong tersebut telah dilakukan oleh YAB Tuan Guru Menteri Besar pada 24 Syaaban 1426 bersamaan 28 September 2005 di Dataran Ilmu, Jalan Dato' Pati, Kota Bharu. Selepas majlis perasmian, satu jamuan sarapan pagi telah disediakan untuk semua peserta gotong royong.

Seramai 20 orang anggota dari ibu Pejabat telah mewakili PKINK dalam gotong royong ini. PKINK dalam Zon A telah ditugaskan membersihkan kawasan sekitar Jalan Padang Garong, Bangunan PKINK dan Jalan bersebelahan Maybank dan Telekom Malaysia.

Gotong royong tamat kira-kira jam 11.00 pagi.

YAB Tuan Guru Menteri Besar dan YB Hj. TeMyuzidin Hj. Hassan sedang mencuba peralatan baru bagi kerja-kerja mencair sampah



Antara peserta yang sama-sama bergotong-royong bagi membersihkan bandar Kota Bharu



PERBARISAN HARI KEBANGSAAN

PKINK Naib Johan Kategori Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan

Kota Bharu 31 Ogos - Seramai 33 anggota Kumpulan PKINK telah menyertai perbarisan Hari Kebangsaan yang ke-48. Mereka telah menjalani latihan kawad selama 9 hari dan dua hari raptai pada 28 & 29 Ogos. Perbarisan bermula dari Stadium Sultan Muhammad ke IV dan berakhir ditempat yang sama dengan jarak lebih kurang 3 km.

Pada tahun ini kontinjen PKINK telah memakai pakaian seragam baju melayu

berwarna hijau muda dan lengkap dengan kain sampin dan tengkolak. Selempang dan keris pula menghiasi seliap peserta.

Setelah beberapa tahun kontinjen PKINK tidak memenangi apa-apa hadiah, pada tahun ini kontinjen PKINK telah mendapat tempat kedua dalam kategori Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan. Tempat pertama telah dimenangi oleh Yayasan Islam Kelantan

manakala tempat ketiga dimenangi oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Selain dari acara perbarisan, majlis juga dimeriahkan dengan acara pertunjukan seni silat dan juga perarakan motor mini oleh kanak-kanak.



Rubai Elakul PKINK bersama di-01 jempitan



Singah berpaya dengan langkah serong pahlawan



En. Mohd. Idris Rogam selaku Rubai Kontinjen menerima hadiah dari YB Dato' Timbalan Menteri Besar



Kontinjen PKINK bergambar kenangan selepas Majlis Perbarisan Hari Kebangsaan

Menjelang Perisytiharan Kota Bharu Bandar Raya Islam



Pada Gerbang Mulu Perbarisan Kota Bharu Bandar Raya Islam di jalan utama menuju ke pusat bandar



Wd Tuan Guru Menteri Besar Kelantan menyaksikan Dapud Dapungan Bandar Raya Islam



Wd Tuan Guru Menteri Besar Kelantan, Esan dan Speaker DAW Kelantan menyaksikan Ransel Tarian Kasih



Persembahan kebudayaan Dapud Dapud, Ransel dan Dapud



Struktur mainan budaya Kota Bharu yang diterangi cahaya



Struktur mainan budaya Kota Bharu yang diterangi cahaya

EKSPLO MAKANAN HALAL ANTARABANGSA SINGAPURA 2005

Ekspo atau pameran merupakan platform terbaik bagi mempromosi dan memasarkan sesuatu produk kerana secara langsung ianya akan mempertemukan pengusaha dan produk-produk keluaran mereka kepada pasaran dan pengguna. Dalam konteks ini Kerajaan Negeri Kelantan diketuai oleh YB. Tuan Hj. Zulkifli b. Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia telah menyertai Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura bermula 8 hingga 11 September 2005. Mengenengahkan konsep 'Food & Leisure', pengusaha-pengusaha IKS, pengusaha-pengusaha di bawah penyeliaan Dewan Usahawan Industri Desa (DUID), PERDASAMA, Persatuan Pembatik, Pengusaha Kraftangan Perak, PKINK dan Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan telah menyertai rombongan. Produk-produk yang dibawa untuk dipromosikan dalam ekspo tersebut pula merangkumi makanan sejuk beku, makanan kering, minuman roselle, roti & kek, batik, kraftangan perak serta pakej-pakej pelancongan bertujuan menarik kedatangan pelancong ke Kelantan.

Ekspo tersebut telah dirasmikan oleh YB. Dr. Ahmad Mohd Magad, Ahli Parlimen Pasir-Ris Ponggol, Ekspo selama empat hari tersebut telah disertai lebih dari 80 pengusaha tempatan dan antarabangsa.

Penganjuran ekspo ini yang jatuh pada musim cuti persekolahan di Republik tersebut telah mendapat sambutan yang begitu luar biasa di mana masyarakat di sana mula mengunjungi gerai-gerai pameran seawal jam 10.00 pagi sehinggalah pameran ditutup kepada umum pada jam 10.00 malam. Bagi mengisi jadual pameran yang telah dirangka lebih awal ahli-ahli rombongan telah mengambil peluang untuk mengikuti sesi bincang-bisnes yang membabitkan peniaga-peniaga di Singapura. Menerusi slot seni dan budaya, kerajaan negeri telah menyediakan persembahan Dikir Barat yang dipimpin oleh En. Halim Yazid, manakala menerusi slot Hidangan Istimewa, Nasi Kerabu Kelantan telah didemonstrasikan kepada para pengunjung. Pada 10 September, Memorandum persefahaman dua hala bagi produk-produk yang berasaskan makanan, perhotelan dan pakej pelancongan telah berjaya dimeterai.

Apa yang dapat dipelajari dan dijadikan panduan di sepanjang tempoh menyertai ekspo tersebut ialah penekanan terhadap produk-produk yang diketengahkan. Selain daripada kualiti produk yang disokong dengan sijil halal sebagai teras, pembungkusan dan pelabelan mengikut piawaian antarabangsa juga menjadi penentu bagi membolehkan sesuatu produk menembusi pasaran. Dalam konteks ini sebahagian besar pengusaha-pengusaha makanan kering di Kelantan gagal melepasi halangan. Kebanyakan produk yang dikeluarkan memang enak dimakan tetapi sayang ianya hanya sesuai untuk pasaran tempatan kerana peratusan bahan tidak dinyatakan dengan jelas, tiada tarikh luput serta teknik pembungkusan dan pelabelan yang ala kadar. Adalah wajar bagi agensi-agensi pelaksana di negeri Kelantan bertindak turun padang bagi memberi pendedahan secara total kepada pengusaha-pengusaha makanan tempatan agar lebih peka kepada keperluan-keperluan tersebut jika ingin turut bersaing di pasaran makanan global.



YB. Tuan Hj. Zulkifli b. Mamat di Misi Promosi Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura 2005



Dikir Barat khas dari Kelantan. En. Halim Yazid mempersembahkan dirajad menerusi dikir barat dan budaya



Baru Negeri Kelantan mempromosikan produk minuman roselle yang mereka



Baru Negeri Kelantan dipromosikan di gerai Perak, Perak

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKINK Tahun 2003

17 Ogos 2005 - Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun 2003 telah dilaksanakan dengan sederhana di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK yang dihadiri oleh pengurusan PKINK serta anggota yang terlibat sahaja. Tahniah untuk para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang semoga dapat terus berkhidmat dengan lebih gigih, dedikasi serta menjadi semangat bagi anggota lain untuk turut berkhidmat lebih cemerlang kepada organisasi. Syabas! Keikhlasan anda dihargai.

Dalam ucapan ringkas Ketua Eksekutif, beliau telah menyarankan agar bahagian PSM membuat kajian kemungkinan untuk memberi hadiah iringan berupa pakej lawatan dalam Malaysia untuk 2 orang kepada penerima Anugerah Perkhidmatan cemerlang untuk tahun-tahun akan datang sebagai galakan kepada setiap anggota.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bergambar berangan dengan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan Pengurus Sumber Manusia PKINK.



NAMA : MD. SANUSI B. ISMAIL
T. LAHIR : 24 JANUARI 1957
BAHAGIAN : PROJEK & HARTANAH
JAWATAN : PENGURUS BAHAGIAN
MULA BERKHIDMAT DENGAN PKINK 02/05/1982



NAMA : RABIAH BT. MAMAT
T. LAHIR : 27 JANUARI 1956
BAHAGIAN : PERANCANGAN KORPORAT
JAWATAN : PENOLONG AKAUNTAN
MULA BERKHIDMAT DENGAN PKINK 16/01/1982



NAMA : AZMAH BT. YUSOFF
T. LAHIR : 18 OKTOBER 1963
BAHAGIAN : PROJEK & HARTANAH
JAWATAN : PEMBANTU TADBIR
MULA BERKHIDMAT DENGAN PKINK 02/05/1983



NAMA : SITI ESAH BT. IDRIS
T. LAHIR : 9 SEPTEMBER 1975
BAHAGIAN : MIS
JAWATAN : PEMBANTU TADBIR
MULA BERKHIDMAT DENGAN PKINK 01/01/1998



NAMA : WAN ASRI B. WAN NAWANG
T. LAHIR : 6 OKTOBER 1975
BAHAGIAN : MIS
JAWATAN : OMPD
MULA BERKHIDMAT DENGAN PKINK 19/10/1997

Jasa Mu Dikenang

PKINK kehilangan seorang kakitangan yang dedikasi dan penuh tanggungjawab dengan persaraan wajib Tuan Hj. Mahmud Ismail. Pada 20/08/2005 tamatlah perkhidmatan Tuan Haji Mahmud dengan PKINK sebagai Penolong Akauntan Kanan yang telah berkhidmat dengan Perbadanan selama 29 tahun 5 bulan. Dalam jangka masa tersebut banyak sumbangan yang telah ditaburkan kepada PKINK, dan persaraan beliau amat dirasai oleh warga PKINK.

Beliau mula berkhidmat dengan Perbadanan sebagai Pembantu Kewangan pada 01/03/1976. Selain berkhidmat di Ibu Pejabat beliau pernah dipinjamkan kepada Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd mulai dari 01/05/1981 hingga 22/07/1983 dan Kelkon Sdn Bhd mulai dari 16/11/1991 hingga 01/07/1992. Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah beberapa kali menerima anugerah perkhidmatan cemerlang di atas prestasi cemerlang yang di tunjukkan.



Harap akhir Tuan Haji Mahmud di Perbadanan

En. Zulkifli Mohd Zain telah mengambil keputusan bersara atas pilihan sendiri berkuatkuasa 01/07/2005 dalam usia 40 tahun. Hasratnya untuk menceburi dunia perniagaan disambut baik oleh PKINK. Dalam majlis ringkas perpisahan, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) mengalu-alukan sebarang bentuk urusniaga beliau dengan PKINK.

Beliau yang berkhidmat mulai tahun 02/02/1985 sebagai Pembantu Am Rendah telah ditempatkan di Bahagian Sumber Manusia. Selain itu beliau juga pernah ditempatkan di Bahagian Industri & Iks dan juga bahagian MIS. Selepas berkhidmat selama 20 tahun 5 bulan beliau telah memilih untuk bersara awal.



Timbalan Ketua Eksekutif PKINK (HEK) menyerahkan agahual kepada En. Zulkifli sempena persaraan awalnya.

Firman Allah Taala bermaksud:

Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal soleh dan jangan mempersekutukan ibadat terhadap Tuhannya dengan sesiapapun.

(Surah al-Kahf, ayat 110)

AL - FATIHAH

Setiap yang hidup pasti akan kembali kerahmatullah, cuma masa dan sebabnya sahaja yang berbeza. Sama-samalah kita hadiahkan Al-Fatihah kepada sahabat dan saudara kita yang pergi.. **Al-Fatihah**



Allahyarham Kamaruzaman bin Jaafar mula berkhidmat dengan PKINK pada 03/02/1980 sebagai Pembantu Am Rendah dan ditempatkan di

Bahagian Pentadbiran. Di atas kecekapan yang ditunjukkannya, beliau telah dilantik ke jawatan Operator Prosesan Data pada 01/03/1985.

Pada 01/02/1990 beliau telah dipinjamkan ke Prokel Management Sdn Bhd sebagai Pegawai Pemungut sewa sehinggalah beliau kembali kerahmatullah pada 04/09/2005 di Hospital Kubang Kerian akibat keracunan. Beliau telah meninggalkan seorang isteri Asmah bt. Yasok 44 tahun dan tiga orang anak, yang sulungnya sedang belajar di UTM Skudai dan yang bongsunya baru berumur 5 tahun. Sepanjang perkhidmatannya, beliau merupakan seorang kakitangan yang bertanggungjawab dan komited dengan tugas yang diamanahkan. Beliau juga mudah mesra dengan kakitangan-kakitangan lain. Pemergiaannya begitu mengejutkan rakan-rakan dan sanak saudara, dan banyak kenangan manis yang ditinggalkan untuk menjadi ingatan semua.



Khalid Ezzakoff menyempulkan sumbangan dari PKINK sebanyak RM1,000.00 kepada isteri Allahyarham Kamaruzaman.

Pada 13/09/2005 jam 03.00 pagi emak kepada En. Mohd Sepri Abas seorang kakitangan PKINK di bahagian Khidmat Teknikal telah kembali ke rahmatullah di rumah kediaman En. Mohd Sepri di Panji akibat sakit tua. Beliau meninggal dunia dalam usia 86 tahun dan meninggal 6 orang anak dan 42 orang cucu. En. Sepri merupakan anak bongsu kepada Allahyarham, dan pada saat akhir pemergiaannya beliau membuat keputusan tinggal bersama En. Sepri.

Ceramah Israk Mikraj dan Bulan Kemerdekaan.

PKINK telah mengadakan ceramah kemerdekaan dan Israk Mikraj pada 7 September 2005, di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Penceramah jemputan yang diundang ialah Ketua Pengeloa Halaqat JAHEAIK, YBrs Ustaz Muhammad bin Mustapha.

Antara yang disentuh oleh beliau ialah mengenai apa ertinya kehidupan dan kerajaan menggambarkan kepada kita tentang Allah dan makhluk, tentang kepatuhan makhluk kepada penciptanya. Oleh itu setiap apa yang dilakukan oleh manusia merupakan ibadat, termasuk memilih pemimpin dan kepatuhannya, serta corak kepimpinannya.

Agama adalah merupakan teras kehidupan, semakin elok agama seseorang, maka semakin baik kerajaan, tetapi semakin buruk agama seseorang maka semakin rosak kerajaan, oleh itu agama tidak boleh dipisahkan dari seseorang.

Setiap masa makhluk mestilah mengingati Allah, dan ini akan mencegahnya dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Dalam peristiwa Israk Mikraj, Nabi Muhammad S.A.W. di bawa ke negeri Allah S.W.T untuk dipamerkan keagungan dan kekuatan kerajaan Allah S.W.T. yang mana pegawai tadbir dan tenteranya adalah terdiri dari para malaikat. Allah mengingatkan kepada manusia, supaya jangan terlalu memikirkan perkara-perkara ghaib, kerana akal manusia tidak mampu menjangkaunya, tetapi mereka mesti mempercayai kewujudannya.

Sebagai kesimpulannya, manusia tidak boleh meninggalkan Islam dalam apa jua kehidupan baik di rumah, pejabat ataupun negara, semakin elok Islam seseorang itu maka semakin teguh negaranya.



Penceramah jemputan YBrs Ustaz Muhammad Mustapha



Antara Anggota PKINK yang hadir

MB Rasmi Pecah Tanah Pejabat Baru KPK

Kota Bharu 20 September - YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat Menteri Besar Kelantan telah merasmikan Majlis Pecah Tanah bangunan baru KPK yang terletak di Jalan Dato' Lundang, Kubang Kerian.

Kerja-kerja pengubahsuaian dan pembinaan bangunan yang berkeluasan lantai 8,500 kaki persegi ini telah dimulakan seawal 6 September 2005 dengan kos keseluruhan RM700,000 dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2006.

Pembinaan pejabat baru ini bakal menyelesaikan masalah tempat letak kereta, kesesakan lalulintas dan juga masalah ruang pejabat yang sempit. Bangunan pejabat baru ini akan menyediakan ruang pejabat yang lengkap dan selesa serta kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi, bangunan surau, pos pengawal dan kemudahan riadah untuk kakitangan.

Pembinaan pejabat baru ini juga bakal memacu KPK ke persada lebih gemilang dengan menonjolkan ketrampilan imej korporat KPK.



YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abd. Aziz b. Nik Mat Menteri Besar Kelantan merasmikan upacara



YAB Tuan Guru Menteri Besar merobohkan dinding sebagai simbol kepada pecah tanah pembinaan pejabat baru KPK.

Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak

RAMADHAN MASA PALING SESUAI TAMBAH AMALAN

Ramadhan adalah bulan yang menyimpan jutaan pahala dan keberkatan yang tidak ada pada bulan-bulan lain. Ia berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Sudah datang kepadamu Ramadhan, bulan yang diberkati. Allah mewajibkan kamu semua berpuasa dalam bulan itu.

"Pada Ramadhan, dibukakan pintu-pintu syurga dan dikunci semua pintu neraka. Pada bulan itu juga syaitan dibelengu. Di dalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

"Sesiapa yang diharamkan kebajikannya, bererti diharamkan segala rupa kebajikan" (Riwayat Ahmad, Nasaai dan Al-Baihaqi).

Justeru, sempena kedatangan Ramadhan, masyarakat Islam digesa membuat persediaan terutama dengan menghayati dan mengulang-kaji beberapa perkara berkaitan bulan itu antaranya kelebihan beramal, amalan sunat dan teladan kisah daripada Rasulullah serta sahabat.

Umat Islam amat dituntut melakukan persediaan menjelang Ramadhan. Muslim yang bersedia tidak sekali tertanya-tanya apakah sesuatu perkara dibenarkan atau dilarang ketika Ramadhan.

Malah orang bersedia tidak sekali-kali bersikap acuh tidak acuh ketika Ramadhan. Pada mereka, Ramadhan bukan masa untuk memikirkan perkara remeh sebaliknya peluang dan saat terbaik melipatgandakan amalan.

Antara persediaan yang dituntut menjelang Ramadhan ialah;

- Mengulang-kaji setiap perkara berkaitan puasa seperti hukum berpuasa, adab berpuasa dan hikmatnya agar ia dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.
- Memperbanyakkan doa agar ditambahkan kekuatan, kelapangan dan kesempatan dan keikhlasan menempuh Ramadhan. Berdasarkan kisah sahabat, dinyatakan bahawa sahabat sentiasa berdoa menjelang Ramadhan. Pertama doa supaya Allah menerima ibadat puasa dan kedua pula doa memohon serta mengharapkan Allah memberikan kekuatan bagi mengerjakan puasa.
- Mencegah diri daripada melakukan pembaziran seperti berbelanja lebih ketika berbuka

- Kedatangan Ramadhan disambut dengan penuh keazaman untuk melipatgandakan amalan.
- Mengetengahkan rasa senang dan gembira serta tahniah menjelang Ramadhan.

Inilah antara amalan menjelang Ramadhan dan sentiasa dilakukan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat ketika menyambut kedatangannya. Malah dalam satu hadis, diriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. sentiasa mengucapkan kata-kata semangat kepada sahabat dengan bersabda: "Sudah datang kepada mu bulan Ramadhan, penghulu segala bulan".

INFO

PERKARA MEMBATALKAN PUASA

- Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja
- Muntah dengan sengaja (jika muntah dengan tidak sengaja, tidak batal puasa)
- Bersetubuh dengan sengaja, sekalipun tidak keluar mani
- Mengeluarkan mani dengan sengaja atau dengan jalan bersuka-suka berpeluk cium dan sebagainya.
- Kedatangan haid dan nifas
- Gila sekalipun hanya sekejap masa.
- Mabuk atau pengsan sepanjang hari, dari terbit fajar hingga terbenam matahari
- Bersalin
- Murtad (orang keluar daripada agama Islam, sama ada dengan hati, perkataan dan perbuatan).

PERKARA MAKRUH

- Menggosok gigi selepas gelincir matahari.
- Merasa makanan
- Memamah sesuatu (kerana membanyakkan air liur dan ditakuti akan tertelan)
- Mencium atau mengucup isteri
- Banyak berkumur-kumur
- Mengeluarkan darah seperti berbekam.
- Mandi berlebihan-lebihan

Umat Islam diingatkan supaya mengenal pasti larangan sepanjang bulan ini. Ia bertujuan agar seseorang tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ditegah sepanjang Ramadhan, sekali gus mengurangkan pahala puasanya.

KEKWA Johan Masakan

Sempena Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kelantan 2005 pada 7-9 Ogos 2005, KEKWA telah mengambil bahagian dalam pertandingan masakan dan minuman serta gubahan. Acara telah diadakan di perkarangan Stadium Sultan Mohamad IV.

Dua kumpulan telah mewakili PKINK dalam pertandingan masakan yang terdiri daripada Puan Ramla Salleh dari PKINK dan Puan Wan Ramlah dari Komplek Perkayuan Kelantan SB manakala sekumpulan lagi di anggotai oleh YM Tg Nor Azian Tg Ismail dan Wan Zuwaibah Wan Isa, kedua-duanya dari PKINK. Peserta telah diuji dengan tema masakan yang berasaskan buah-buahan dan minuman dari jus roselle di mana setiap kumpulan dikehendaki menyediakan sejenis lauk dan pencuci mulut serta air minuman. Kumpulan pertama PKINK telah pulang dengan gelaran johan dengan resipi Kerabu Mangga Ikan Goreng, Puding Caramel Labu dan air double R. Manakala kumpulan kedua pula telah menduduki tempat ke 4 dengan resipi Betik Udang Lemak Cili Padi, Tembikai Susu Bersantan dan Roselle D'Kekwa. KEKWA hanya memperolehi saguhati bagi kedua-dua peserta dalam pertandingan gubahan.

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada yang berjaya dan terima kasih di atas penat lelah para petugas yang turut membantu dalam penyediaan acara tersebut. Kepada yang berminat untuk mendapatkan resipi, sila email kepada kekwa@pkink.gov.my.

Kunjung Hormat Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Pejabat Ketua Eksekutif PKINK

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand di Malaysia, Puan Felicity Bloor mengadakan kunjung hormat ke atas Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Hanifa Ahmad pada petang 29 September yang lalu.

Di kesempatan tersebut, beliau mengambil peluang bagi mengetahui serba sedikit mengenai PKINK dan negeri Kelantan amnya.



Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Hanifa Ahmad menyampaikan cenderahai kepada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand.

Kursus Intensif Memasak Kek & Biskut

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK (BPU) telah berganding tenaga dengan Pusat Usahawan MARA Negeri Kelantan (PUSMA) bagi menganjurkan Kursus Intensif Memasak Kek & Biskut dari 18 hingga 21 Julai 2005. Sesuai dengan tajuk dan targetnya, penyertaan maksima untuk kursus ini telah dihadkan kepada 30 orang sahaja manakala keseluruhan peserta pula terdiri dari kalangan mereka yang telah pun mempunyai pengetahuan dan kebolehan memasak malah penyertaan mereka kali ini lebih merupakan usaha memperlengkapkan diri untuk mengkomersialkan bakat dan kebolehan yang ada.

Kursus tiga hari ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Beliau dan Sukan

Negeri Kelantan, YB. Abdul Patah b. Haji Mahmood pada 18 Julai yang lalu. Berucap di majlis tersebut, beliau mengingatkan para peserta agar benar-benar memanfaatkan peluang ini terutamanya dalam konteks memahirkan diri, berani tampil ke hadapan serta sanggup bersaing dalam arena penyediaan dan pengeluaran makanan.

Pihak Pusat Usahawan MARA yang hadir sama pula telah memberi jaminan untuk menyediakan skim pembiayaan modal yang mudah dan fleksibel kepada para

peserta yang memerlukannya serta benar-benar berhasrat untuk menceburi bidang perniagaan. Walau bagaimanapun mereka semua perlu memenuhi syarat serta kriteria-kriteria tertentu agar sumbangan modal yang akan diberikan kelak tidak menjadi sia-sia.



EKSPLO DAGANGAN BANDAR RAYA ISLAM

Mengambil sempena Perisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam yang akan disempurnakan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan pada tanggal 27 Syaaban 1426 bersamaan dengan 1 Oktober 2005 Ekspo Dagangan Bandar Raya Islam telah diadakan secara besar-besaran bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Mohd IV Kota Bharu. Ekspo ini yang merangkumi semua aspek perniagaan, kesenian, seni bina dan

pendidikan telah berlangsung dari 24 September hingga 4 Oktober 2005.

Sejajar dengan peranannya dalam melahirkan lebih ramai usahawan khususnya Usahawan Bumiputera, PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan peserta-peserta bagi Pameran Produk Halal & IKS. Bagi memenuhi tujuan penganjuran ekspo tersebut pihak PKINK telah mengenalpasti dan memilih peserta-peserta yang telah berjaya menghasilkan produk-produk yang berkualiti. Peserta-peserta yang terpilih adalah sebagaimana berikut :-

- ❑ Murni Marketing Sdn. Bhd. (Minuman Roselle)
- ❑ NBH Frozen Food (Anika Makanan sejuk Beku)

- ❑ Wan Fauziah Wan Salleh Fathi (Serunding Daging dan Serunding Ikan)
- ❑ Projek D'Raja Gua Musang (Makanan kering seperti Karipap Mini, Akar Nyior, Lidah Buaya, Kek Pisang, Kek Cempedak, Kek Durian dll.)
- ❑ Charge Networking (M) Sdn. Bhd. (Air Mineral Kordial)
- ❑ MH Mohd Industries (Sos Cili, Sos Tomato, Kicap, Sos Rojak dll.)
- ❑ Sabira Manufacturing Sdn. Bhd. (Ubatan dan Produk Herbal)
- ❑ Mercu Perdana Sdn. Bhd. (Anika Percetakan)
- ❑ M&M Layang-Layang (Bes Minuman Berperisa)
- ❑ Biomas Trading Sdn. Bhd. (Produk Mas Cotek & Misai Kucing)
- ❑ Sham Batik (Produk Batik & Potpuri)
- ❑ Falasino Sdn. Bhd. (Anika Fabrik & Garments.)



YAB Tuan Guru Dato' Hj. JAK Abd. Aziz b. Hj. NH mencuba jus roselle kalenjer Murni Marketing

Penggunaan Internet

Penggunaan Internet di masa kini umpama satu kemestian dalam sesebuah keluarga tanpa mengira usia. Pendek kata dari semula murid sekolah rendah lagi anak-anak kita sudah didedahkan dengan kemudahan ini dan keperluannya. Tahukah anda bahawa pengaruh internet ini mampu menggugat perkembangan sihat anak-anak? Di sini beberapa tips untuk para ibubapa atau penjaga yang prihatin agar internet dapat dimanfaatkan dan digunakan secara positif.

Langkah-langkah untuk mencegah penyalahgunaan internet oleh anak anda:

1. Letakkan komputer di ruang rehat keluarga atau ruang tamu
2. Dalam ilmu komputer dan internet supaya dapat bersama-sama anak-anak mengambil faedah daripada internet
3. Perhatikan tingkah laku anak-anak ketika mereka 'on-line' dan awasi apa yang mereka layari
4. Wujudkan suasana yang selesa untuk ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak
5. Galakkan perbincangan mengenai perkara-perkara yang menarik perhatian anak-anak anda ketika mereka 'on-line'
6. Maklumkan kepada anak-anak mengenai maklumat yang boleh dan tidak boleh dikongsi dengan rakan-rakan mereka secara 'on-line'
7. Kenali rakan-rakan siber mereka seperti mana anda berusaha untuk mengenali rakan mereka yang lain
8. Gunakan perisian penapisan untuk menapis material atau menghalang laman-laman web yang tidak sesuai dilayari oleh anak-anak anda
9. Maklumkan anak anda supaya tidak berjumpa dengan rakan siber mereka kecuali anda ada bersama-sama mereka
10. Temani anak-anak anda jika mereka ingin melawat kafe siber
11. Sekiranya anda atau anak anda menerima mesej atau imej lucah, tidak bermoral, mengancam, ganas dan mengugut, laporkan kepada pihak-pihak berikut:
 - Pemberi perkhidmatan internet (ISP)
 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
 - Pihak polis



Tips Penggunaan Komputer

Ketinggian kerusi ketika orang dewasa atau kanak-kanak menggunakan komputer adalah amat penting. Mereka sepatutnya duduk di atas kerusi yang sesuai ketinggiannya, di mana sudut antara siku dan lengan ialah 90 darjah. Bahagian atas skrin komputer mestilah sama tinggi dengan dahi mereka.

INFO SIHAT

Apakah Itu Kombinasi Makanan?

Pernahkah anda mendengar kata-kata ini; 80% sumber penyakit ditubuh kita berasal dari perut. Atau dengan kata lain berasal dari apa yang kita makan. Kata-kata ini mungkin ada benarnya, kerana ungkapan ini diungkapkan oleh pakar kesihatan. Buktinya, ketika ini banyak teori-teori kesihatan yang berasaskan pada pengaturan pola makanan. Salah satu konsep pola makanan sering diperkatakan ialah Kombinasi Makanan.

Sebenarnya kombinasi makanan bukanlah perkara baru. Ia berakar dari pola makanan semula jadi sudah

diterapkan oleh bangsa Esseni di Palestin sekitar 2000 tahun yang lalu. Kemudian pada awal 1900 seorang ahli bedah terkenal dari Amerika, Doktor William Howard Hay mulai mempopularkannya kembali.

Kombinasi Makanan adalah cara mengatur kemasukan makanan yang disesuaikan dengan mekanisme semula jadi tubuh, khususnya yang berhubung sistem pencernaan. Menurut teori Kombinasi Makanan, tubuh dikatakan sihat apabila metabolismanya seimbang.

Untuk mencapai keseimbangan metabolisme ini, caranya adalah dengan mengoptimalkan penyerapan zat gigi dengan memakan makanan yang serasi setiap kali makan. Jika keseimbangan metabolisme tercapai, maka tubuh akan berada dalam keadaan harmoni. Kesannya, segala gejala penyakit seperti alahan, sakit kepala, hati serta penyakit lainnya akan hilang. Kesan positif lain dari tercapainya keseimbangan ini ialah terjadi penurunan atau penambahan berat badan sesuai dengan bentuk badan.

Ceramah Kesihatan "Health Maintenance Issues"

Satu ceramah berkenaan penjagaan kesihatan pada 26 Julai 2005 jam 12.00 tengah hari di Bilik Operasi, Tingkat 10 telah diadakan.

Ceramah yang bertajuk "Penjagaan Kesihatan Sepanjang Hayat" itu telah disampaikan oleh Dr Harny Mohamed Yusoff dari Jabatan Perubatan Keluarga, Pusat Pengajian Sains Perubatan USM.

Banyak petua-petua penjagaan kesihatan telah diuraikan termasuk perkara-perkara berikut :-

- Penjagaan kesihatan hendaklah dilakukan pada peringkat awal, se awal persenyawaan benih. Misalnya
 - ibu bapa yang merokok hendaklah fikir akan kesan merokok kepada anak dalam kandungan. Ibu-ibu yang mengandung juga hendaklah mendapat folic acid yang secukupnya.
 - Membuat pemeriksaan gigi secara berkala misalnya setiap enam bulan sekali. Begitu juga pemeriksaan payu dara dan pap smear.
 - Makanan tambahan (atau vitamin) tidak digalakkan kerana makanan dari sumber asli sudah mencukupi.
- Hendaklah sentiasa menjaga berat badan. Berat badan yang ideal adalah 65 kg bagi ketinggian 170 cm. Pada ketinggian yang lain, lain pula berat badan yang ideal. Sifir lengkap boleh didapati daripada doktor anda.
- Makanlah cara Islam iaitu makan apabila lapar dan berhenti sebelum terlalu kenyang. Perut kita hendaklah diisi dengan 1/3 makanan, 1/3 air, dan 1/3 udara.

Ceramah tamat jam 1.15 tengah hari selepas sesi soal jawab ringkas.

Kejohanan Badminton Piala Kurniaan KDYMM Al-Sultan dan Raja Perempuan Kelantan 2005

Kejohanan Badminton Piala Kurniaan KDYMM Al-Sultan dan Raja Perempuan Kelantan 2005 telah diadakan pada 18 - 21 Ogos 2005 bertempat di Dewan Badminton Tengku Anis, Pengkalan Chepa. Sebanyak 30 Pasukan Lelaki dan 16 Pasukan Perempuan telah menyertai kejohanan tersebut. PKINK menghantar bagi Pasukan Lelaki bagi kejohanan ini.

Pasukan PKINK telah diundi bersama-sama pasukan PDRM dan JKR dalam Kumpulan E. Setelah menduduki tempat kedua dalam Kumpulan, pasukan PKINK telah menundukkan Pasukan JPN pada pusingan ke 2, manakala pusingan ke 3 menang ke atas pasukan Mahkamah. Pada pusingan suku akhir PKINK telah berjaya mengalahkan pasukan MPKB.

Di pusingan separuh akhir, pasukan PKINK kalah kepada pasukan KDYMM Al-Sultan.

Pasukan PKINK telah menduduki tempat keempat setelah kalah kepada pasukan Kerabat dalam perlawanan merebut tempat ketiga dan keempat.

Juara Kejohanan Badminton Piala Kurniaan KDYMM Al-Sultan dan Raja Perempuan Kelantan 2005 ialah pasukan KDYMM Al-Sultan dan Naib Johan ialah Pasukan SUK.



Menolak Sembah cendermahu pasukan PKINK oleh Ketua Eksekutif kepada KDYMM Al-Sultan Kelantan



Pasukan PKINK yang diketuai oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK

KEKWA di Bumi Kenyalang

Bumi kenyalang julung-julung kalinya telah menyambut kedatangan rombongan KEKWA pada 22 - 25 Julai 2005 yang lalu. Rombongan disertai oleh seramai 22 orang telah disambut mesra oleh wakil-wakil dari 2 agensi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan Maktab Rendah Sains Mara Kuching (MRSM).

Pada hari pertama lawatan di bumi kenyalang, KEKWA telah berkunjung ke Sarikin. Turut dilawati ialah pusat pembuatan pasu dan tikar Sarawak serta Waterfront. Rombongan juga telah dibawa melawat ke Kampung Budaya Sarawak yang umpama muzium hidup kerana kita boleh menikmati sajian 7 jenis kebudayaan kaum etnik Sarawak dalam satu masa yang singkat. Kawasan seluas 6 hektar dikaki gunung Santubong 35 km dari Bandar Kuching mempamerkan replika rumah kaum-kaum etnik Bidayuh, Iban, Penan, Orang Ulu, Melanau, Melayu dan Cina dari artifak pengingatnya ke hasil kraftangan mereka. Persembahan kebudayaan dari pelbagai kaum etnik Sarawak selama sejam di panggung teater yang berhawa dingin merupakan kemuncak bagi lawatan tersebut.

Kami juga sempat melawat ke "Pasar Minggu" yang terletak di tengah-tengah Bandar Kuching berhampiran Jambatan Gantung Satok. Disini terdapat pelbagai buah-buahan dan sayur-sayuran

kerana lawatan tersebut telah berjalan dengan lancarnya serta jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada MRSM dan PPES.

dari tempatan, dari bahan kering dan basah. Yang paling menarik sekali di Pasar Satok adalah ikan terubok masin.

Kami juga turut diraikan dalam perlawanan boling persahabatan dengan PPES di Pusat Boling Riverside di mana KEKWA menang sorak; majlis makan malam di Holiday Inn serta taklimat korporat di PPES sebelum kami berlepas pulang ke Kota Bharu.

Lawatan singkat ke bumi kenyalang membawa seribu satu kenangan yang tidak dapat kami lupakan. Bersyukur kehadiran Illahi



Rombongan PKINK berbentukimat semasa lawatan ke PKEN Sarawak



Rombongan bergambar kenangan di Water Front

PANGSAPURI SRI KEMUMIN 5 TINGKAT BERLIF PENGKALAN CHEPA, KOTA BHARU

پانساپوري سري كمين
5 تهرات برليف
پنكاليان كفا، كوتا بهارو



Harga Dari
RM 102,500 - RM 117,500
(BERSIH)

Hanya RM 500
Wang Pendahuluan



- Berdekat dengan Institut Pendidikan, Maktab Perguruan, Sekolah Berasrama Penuh;
- Hanya 2 km dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra;
- Berdekat Dengan Padang Golf (Kelantan Golf & Country Club);
- Persekitaran Tempat Rekreasi & Riadah;
- Lokasi & laluan yang strategik.

Untuk Tempahan Sila Hubungi Segera:

BINARAYA PKINK SDN. BHD. (73017-45)

(Syarikat Pemaju Pembangunan milik Kumpulan Perusahaan Kerejasama Utamadua Negeri Kelantan)
PT. 180, BANGUNAN BINARAYA, JALAN PADANG GARONG,
15000 KOTA BHARU, KELANTAN.

☎ : 09-7445594 / 7448898

☎ : 09-7488905



PELAN LANTAI

OT KEDAM
KELUASAN LANTAI : ± 783 k.p.



SPEKIFIKASI

PERLEMBANG DULUAMAH

- Kidul → Semen Polikret
- Pingkal → Semen Polikret
- Sidul → Semen Polikret
- Sidul No. 1 & 2 → Semen Polikret
- Stoking → Lapisan Semen & Cat Persempit

PERLEMBANG LULUH

- Stoking → Lapisan Semen & Cat Persempit
- Lantai Lulu (Apung) → Semen Polikret
- Tempat Basuh → Lino

LUAR KAWAR PERSEKITIHAN

- Ayun → Kusen Keluli
- Kayu Rangka → Kusen Keluli & Dinding
- Lantai → Kusen
- Stoking Dalam → Pene Kesan
- Baukuang → Dinding Semen
- Stokap → Dinding Coransil
- Yingkap Bahas Lulu → Yingkap Bahas
- Plam → Plam Pual, Plam UPVC, Plam Keluli, Plam Galvani

PENANGKAPAN KEREBANG

- Sidul Air → 2 Bil. Malar Pual
- 1 Bil. Sander Jasi Hantik
- 1 Bil. Sander Jasi Caglang
- 2 Bil. Bawa Bawa Tugan (Kuliah Kerebang Tempam)

PENANGKAPAN ELEKTRIK

- Malar Lampu → 11
- Malar Kawan → 7
- Malar Kawan → 2

NOTA:
Segala maklumat pada plan ini adalah terikatlah kepada gambar dan perincian sebagaimana yang disediakan oleh pihak berkuasa atau pemaju plan tidak boleh dianggap sahkecuali dengan tertera dalam plan ini.


PELAN LANTAI

LOT TEP1 (Apartment)
KELUASAN LANTAI : ± 300 k.p.



PELAN LANTAI

LOT BAWA (Apartment)
KELUASAN LANTAI : ± 600 k.p.



SPEKIFIKASI

PERLEMBANG DULUAMAH

- Kidul → Semen Polikret
- Pingkal → Semen Polikret
- Sidul → Semen Polikret
- Sidul No. 1, 2, 3 → Semen Polikret
- Stoking → Lapisan Semen & Cat Persempit

PERLEMBANG LULUH

- Stoking → Lapisan Semen & Cat Persempit
- Lantai Lulu (Apung) → Semen Polikret
- Tempat Basuh → Lino

LUAR KAWAR PERSEKITIHAN

- Ayun → Kusen Keluli
- Kayu Rangka → Kusen Keluli & Dinding
- Lantai → Kusen
- Stoking Dalam → Pene Kesan
- Baukuang → Dinding Semen
- Stokap → Dinding Coransil
- Yingkap Bahas Lulu → Yingkap Bahas
- Plam → Plam Pual, Plam UPVC, Plam Keluli, Plam Galvani

PENANGKAPAN KEREBANG

- Sidul Air → 1 Bil. Bawa (Kerebang) / Persempit
- 1 Bil. Malar Pual
- 1 Bil. Pual dan Pual
- 1 Bil. Malar Pual
- 1 Bil. Sander Jasi Hantik
- 1 Bil. Sander Jasi Caglang
- 1 Bil. Bawa Bawa Tugan (Kuliah Kerebang Tempam)

PENANGKAPAN ELEKTRIK

- Malar Lampu → 11
- Malar Kawan → 7
- Malar Kawan → 2

KEDUDUKAN LOT TINGKAT BAWAH

(2 unit kedai : [])
(26 unit apartment : [])



Kemudahan Disediakan:

- URUS SELESAI PUNJAMAN PERUMAHAN (KORAJAAN/ INSTITUSI KEWAHAIAN)
- URUS SELESAI PENOLUARAN KWSP
- KOS GAJARAN - Percuma
- BAYARAN PINDAHWILK & GADAIAN - Percuma
- YURAN PENGURUSAN BANGUNAN - Percuma sehingga Disember 2006

KEDUDUKAN LOT TINGKAT 1 - 4

(112 unit apartment : [])

